



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 28
No.8

29hb Mac 1984

TAMBAHAN No. 17
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 113.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (BANGLADESH) 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapartan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroleum *Akta 53* (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut: *45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Bangladesh) 1984.** Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai Bangladesh (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

Pelepasan
cukai dua
kali.

JADUAL

(Perenggan 2)

**PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN
KERAJAAN REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH UNTUK
MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH
PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI
ATAS PENDAPATAN**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh dengan hasrat hendak membuat suatu Perjanjian bagi

mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan oleh tiap-tiap satu Negara Pejanji dengan tidak kira cara bagaimana cukai-cukai diberi.

2. Cukai-cukai yang sedia ada yang baginya Perjanjian ini akan dipakai ialah:

(a) Berkenaan dengan Bangladesh: cukai pendapatan; (kemudian daripada ini disebut “cukai Bangladesh”);

(b) berkenaan dengan Malaysia:

(i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;

(ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan

(iii) cukai pendapatan petroleum; (kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”).

3. Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai yang dikenakan kemudiannya sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi negara-negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain akan apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mereka masing-masing.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :

(a) istilah “Bangladesh” ertinya Republik Rakyat Bangladesh;

(b) istilah “Malaysia” ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan perairan wilayah Malaysia yang, mengikut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia sebagai

suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah bawah serta hasil-hasil buminya;

- (c) istilah-istilah “suatu Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi itu” ertinya Bangladesh atau Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (d) istilah “cukai” ertinya cukai Bangladesh atau cukai Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (e) istilah “orang” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam undang-undang percukaian yang berkuatkuasa dalam Negara-negara Pejanji masing-masing;
- (f) istilah “syarikat” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti lain yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan di bawah undang-undang percukaian Negara-negara Pejanji itu masing-masing;
- (g) istilah-istilah “pemastautin sesuatu Negara Pejanji” dan “pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya seseorang yang menjadi pemastautin Bangladesh atau seseorang yang menjadi pemastautin Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (h) istilah-istilah “enterpris suatu Negara Pejanji” dan “enterpris Negara Pejanji yang satu lagi itu” masing-masing ertinya sesuatu enterpris yang dijalankan oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji dan sesuatu enterpris yang dijalankan oleh seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (i) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan oleh kapal atau kapal udara yang dikendalikan oleh sesuatu enterpris yang mempunyai tempat pengurusan yang efektif dalam suatu negara Pejanji, kecuali jika kapal atau kapal udara itu dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (j) istilah “rakyat” ertinya seseorang individu yang memiliki kerakyatan atau kewarganegaraan suatu Negara Pejanji dan juga mana-mana orang disisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan mana-mana entiti lain yang memperoleh statusnya sebagai sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa dalam suatu Negara Pejanji;
- (k) istilah “pihak berkuasa yang kompeten” ertinya:
 - (i) berkenaan dengan Bangladesh, Lembaga Hasil Negara atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (ii) berkenaan dengan Malaysia Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara itu berkenaan dengan cukai-cukai yang baginya Perjanjian itu dipakai.

Perkara 4**PEMASTAUTIN**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin suatu Negara Pejanji” ertinya mana-mana orang yang, di bawah undang-undang cukai Negara itu, menjadi pemastautin Negara itu oleh kerana domisilnya, tempat kediamannya, tempat pengurusan atau apa-apa nilaitara lain yang serupa itu.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah seperti berikut :

- (a) ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana ia mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai tempat kediaman yang tetap yang boleh digunakan olehnya dalam kedua-dua Negara ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang perlu);
- (b) Jika Negara di mana ia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika ia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
- (c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim dikedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara itu, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara yang mana ianya adalah seorang rakyat;
- (d) Jika ianya seorang rakyat bagi kedua-dua Negara atau bukannya rakyat mana-mana satu Negara itu, pihak-pihak berkuasa yang kompetan bagi Negara-negara Pejanji itu hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.

3. Jika, oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan, seseorang lain daripada seorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Pejanji, maka ianya hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana terletaknya tempat pengurusan yang efektif.

Perkara 5**ESTABLISYMEN TETAP**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “establisymen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana kesemua atau sebahagian dari perniagaan enterprais itu dijalankan.

2. Istilah “establisymen tetap” hendaklah termasuk khususnya:

- (a) suatu tempat pengurusan;

- (b) suatu cawangan;
- (c) suatu pejabat;
- (d) suatu kilang;
- (e) suatu woksypop;
- (f) suatu gudang, berhubungan dengan seseorang yang menyediakan kemudahan-kemudahan storaj untuk orang lain;
- (g) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain hasil keluaran hutan;
- (h) suatu kebun atau ladang;
- (i) suatu tapak bangunan atau projek binaan, pemasangan yang sedia ada selama lebih daripada seratus lapan puluh tiga (183) hari.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan yang terdahulu bagi Perkara ini, istilah “establisymen tetap” tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud-maksud penstoran atau pameran barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
- (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penstoran atau pameran;
- (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;
- (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan atau bagi mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;
- (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, untuk memberi maklumat, bagi penyelidikan sains atau bagi aktiviti-aktiviti yang seumpamanya yang bersifat persediaan atau bersampingan, untuk enterprais itu.

4. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu jika:

- (a) ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu selama lebih daripada seratus lapan puluh tiga (183) hari berkenaan dengan projek binaan, pemasangan atau pemasangan yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu;
atau
- (b) kelengkapan yang besar digunakan atau dipasang dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu oleh, bagi atau di bawah kontrak dengan, enterprais itu.

5. Seseorang yang bertindak dalam suatu Negara Pejanji untuk atau bagi pihak suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu (lain daripada seorang ejen yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 Perkara ini dipakai) hendaklah disifatkan sebagai suatu establisymen tetap dalam Negara yang mula-mula disebut itu, jika:

- (a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara yang mula-mula disebut itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak untuk atau bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu, atau
- (b) ia lazimnya menyenggara dalam Negara yang mula-mula disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana ia biasanya memenuhi pesanan atau menyerahkan barang-barang atau dagangan untuk atau bagi pihak enterprais itu, atau
- (c) ia lazimnya mendapat pesanan bagi penjualan barang-barang atau dagangan dalam Negara yang mula-mula disebut itu, keseluruhannya atau hampir-hampir keseluruhannya, bagi enterprais itu sendiri, atau bagi enterprais itu atau enterprais-enterprais lain yang dikawal olehnya atau mempunyai kepentingan mengawal di dalamnya.

6. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka dan aktiviti-aktiviti mereka tidak termasuk dalam lingkungan perenggan 5 (c) Perkara ini.

7. Hakikatnya bahawa sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establisymen tetap atau selainnya), tidak dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establisymen tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAKALIH

1. Pendapatan yang diperolehi daripada harta takalih boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana terletaknya harta itu.
2. Istilah “harta takalih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana terletaknya harta yang tersebut itu. Bagaimanapun istilah ini hendaklah termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai, menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak untuk mengusahakan, longgokan mineral, telaga minyak

dan telaga gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi atau kayu atau lain-lain keluaran hutan. Kapal, bot dan kapal udara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan, hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta takalih dengan apa-apa cara lain.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 Perkara ini hendaklah juga dipakai bagi pendapatan daripada harta takalih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada harta takalih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, keuntungan enterprais itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu tetapi hanya sekian banyak daripada keuntungan itu yang boleh dikaitkan dengan establisymen tetap.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3 Perkara ini, jika sesuatu enterprais suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Pejanji dikaitkan dengan establisymen tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ianya suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan menguruskan dengan sepenuh kebebasan enterprais yang mana ianya adalah suatu establisymen tetap.

3. Pada menentukan keuntungan suatu establisymen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan belanja, termasuk belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am yang boleh dipotong jika establisymen tetap itu ialah suatu enterprais bebas, setakat mana belanja itu boleh diperuntukan secara menasabah kepada establisymen tetap itu, sama ada dilakukan dalam Negara di mana terletak-nya establisymen tetap itu atau di tempat lain, tetapi potongan itu tidaklah termasuk apa-apa belanja yang, di bawah undang-undang Negara itu, tidak dibenarkan sebagai potongan bagi sesuatu enterprais di Negara itu.

4. Setakat mana yang telah menjadi kelaziman dalam sesuatu Negara Pejanji menentukan keuntungan yang akan dikaitkan dengan suatu establisymen yang tetap berasaskan pengumpulan

dari jumlah keuntungan-keuntungan enterprais itu kepada berbagai bahagiannya, tiada apa-apa jua dalam perenggan 2 boleh menghalang Negara Pejanji itu daripada menentukan keuntungan-keuntungan yang akan dikenakan cukai mengikut apa-apa pengumpulan yang lazim cara pengumpulan yang dipakai itu hendaklah, bagaimanapun, sedemikian rupa supaya hasilnya hendaklah mengikut prinsip-prinsip yang dibentangkan dalam Perkara ini.

5. Tiada apa-apa jua keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establisymen tetap semata-mata oleh sebab establisymen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.

6. Bagi maksud-maksud perenggan-perenggan di atas bagi Perkara ini, keuntungan-keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establisymen tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama tahun demi tahun melainkan jika ada sebab yang baik dan cukup sebaliknya.

7. Jika keuntungan-keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Perkara-perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-perkara itu tidaklah terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PENGANGKUTAN UDARA

1. Pendapatan yang diperolehi oleh sesuatu enterprais suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji itu.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah begitu juga dipakai berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi daripada penyertaan di dalam apa jua jenis kumpulan oleh enterprais yang terlibat dalam pengangkutan udara.

Perkara 9

PERKAPALAN

1. Pendapatan enterprais suatu Negara Pejanji yang diperolehi daripada pengendalian kapal dalam lalulintas antarabangsa dalam Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu tetapi cukai yang dikenakan caj dalam Negara yang satu lagi itu atas pendapatan itu hendaklah dikurangkan mengikut amaun yang bersamaan dengan lima puluh peratus daripada cukai itu.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah begitu juga dipakai berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi daripada penyertaan di dalam apa jua jenis kumpulan oleh enterprais yang terlibat dalam pengendalian perkapalan.

Perkara 10**ENTERPRAIS BERSEKUTU**

Jika:

- (a) suatu enterprais suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais suatu Negara Pejanji dan suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan antara kedua-dua enterprais dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dibuat antara enterprais bersendirian, apa-apa keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu tetapi oleh kerana syarat-syarat itu, tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan-keuntungan enterprais itu dan dikenakan cukai dengan sewajarnya.

Perkara 11**DIVIDEN**

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.
2. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Bangladesh kepada seorang pemastautin Malaysia boleh dikenakan cukai di Bangladesh mengikut undang-undang Bangladesh tetapi cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar dividen itu.
3. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastautin Bangladesh yang menjadi pemunya benefisial dividen itu dan tertakluk kepada cukai Bangladesh mengenainya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicaj atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicaj atas pendapatan syarikat itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang mana cukai Malaysia telah atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan mengikut kadar cukai yang sesuai dengan tahun tak-siran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

4. Istilah “dividen” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer-syer atau hak-hak, yang bukan-nya tuntutan hutang, menyertai keuntungan, dan juga pendapatan daripada lain-lain hak perbadanan yang diasimilasikan dengan pendapatan daripada syer-syer mengikut undang-undang percukaian bagi Negara yang baginya syarikat yang membuat pengagihan itu adalah seorang pemastautin.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 2 dan 3 Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin, melalui suatu establisymen tetap yang terletak dalamnya, dan pemegangan yang mengenainya dividen itu dibayar adalah berkaitan secara efektif dengan establisymen tetap itu. Dalam hal yang demikian peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi itu maka Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai di atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat yang dividen itu dibayar kepada seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu atau setakat yang pemegangan yang mengenainya dividen itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan suatu establisymen tetap yang terletak dalam Negara yang satu lagi itu, dan tidak dikenakan cukai keuntungan takagih ke atas keuntungan takagih syarikat itu, meskipun dividen yang dibayar atau keuntungan takagih itu terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada keuntungan atau pendapatan yang terbit dalam Negara yang satu lagi itu.

7. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidak boleh menyentuh percukaian syarikat ke atas keuntungan yang darinya dividen itu dibayar.

Perkara 12

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh dikenakan cukai dalam Negara Pejanji di mana ianya terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial kepentingan bunga itu, cukai yang dicaj demikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang atasnya seseorang pemastautin Bangladesh itu berhak menerima hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman itu atau lain-lain keterhutangan yang mengenainya bunga itu dibayar adalah suatu pinjaman yang diluluskan atau pinjaman jangka panjang sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 (1) Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi Malaysia (sebagaimana dipinda).

4. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada tiap-tiap jenis tuntutan hutang, sama ada dicagarkan dengan cara gadaijanji, atau tidak, dan sama ada memberi hak untuk menyertai keuntungan-keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada aktiviti-aktiviti Kerajaan dan pendapatan daripada bon atau dibentur, termasuk premium dan hadiah yang bersangkutan dengan sekuriti, bon atau dibentur itu, dan juga pendapatan lain yang diasimilasikan dengan bunga daripada wang yang dipinjamkan mengikut undang-undang percukaian bagi Negara di mana terbitnya pendapatan itu.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima bunga itu, yang menjadi seorang pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu terbit melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya dan tuntutan hutang yang mengenainya bunga itu dibayar adalah berkaitan secara efektif dengan establisymen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6. Bunga hendaklah disifatkan terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, suatu sub-bahagian politik suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada ia seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai suatu establisymen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang berkaitan dengan keterhutangan yang mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establisymen tetap itu terletak.

7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya ianya dibayar, adalah melebihi amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial jika tidak ada perhubungan itu, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara, dengan memberi perhatian wajar kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

Perkara 13

ROYALTI

1. Royalti yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh dikenakan cukai dalam Negara Pejanji di mana royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar royalti itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti perindustrian yang diluluskan yang diperolehi daripada Malaysia oleh pemastautin Bangladesh yang menjadi pemunya benefisial royalti itu hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. (a) Istilah “royalti” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi—

- (i) penggunaan, atau hak untuk mengguna, apa-apa paten, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau kerja saintifik, atau bagi penggunaan atau hak untuk mengguna, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik, atau bagi maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik.
- (ii) penggunaan, atau hak untuk mengguna, filem-filem cinematogaf, atau pita-pita untuk siaran radio atau televisyen, apa-apa hak cipta karya sastera atau hasil kerja kesenian.

(b) Istilah “royalti perindustrian yang diluluskan” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya royalti yang termasuk dalam takrif dalam subperenggan 4 (a) (i) yang diluluskan dan diperakui oleh pihak berkuasa kompeten di Malaysia sebagaimana yang kena dibayar bagi maksud memajukan pembangunan perindustrian di Malaysia dan yang kena dibayar oleh suatu enterprais yang kesemuanya atau terutamanya mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada kelas-kelas yang berikut:

- (i) pengilangan, pemasangan atau pemprosesan;
- (ii) pembinaan, kejuruteraanraya atau pembinaan kapal; atau
- (iii) elektrik, kuasa haiderol, gas atau bekalan air.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit, melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak ke atas harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah berkaitan secara efektif dengan establisymen tetap itu. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6. Royalti hendaklah disifatkan terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti itu, sama ada ia seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai establisymen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang berkenaan dengannya kewajiban untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit dalam Negara di mana establisymen tetap itu terletak.

7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas di antara pembayar dengan pemunya benefisial atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, amaun royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti itu dibayar, melebihi amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial jika tidak ada perhubungan itu, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan tetaplah kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara, dengan memberi perhatian wajar kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 14

LABA MODAL

1. Laba modal daripada pemberian milik harta takalih, sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6 boleh dikenakan cukai dalam Negara Pejanji di mana terletak hartanya itu.
2. Laba modal daripada pemberian milik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu establisymen tetap yang dipunyai oleh suatu enterpris bagi suatu Negara Pejanji dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu atau laba daripada pemberian milik harta alih berkenaan dengan suatu asas tetap yang disediakan kepada seorang pemastautin bagi suatu Negara Pejanji dalam Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa laba daripada pemberian milik suatu establisymen tetap itu (establisymen itu sahaja atau bersama-sama dengan enterpris itu kesemuanya) atau daripada pemberian milik suatu asas tetap boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.
3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini, laba modal yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian milik kapal dan kapal udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa dan harta alih berhubung dengan pengendalian kapal atau kapal udara itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji itu sahaja.
4. Laba modal daripada pemberian milik apa-apa harta lain daripada harta yang tersebut dalam perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji di mana pemberi milik itu adalah seorang pemastautin.

Perkara 15

PERKHIDMATAN DIRI YANG BEBAS

1. Pendapatan yang diperolehi oleh suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti-aktiviti bebas lain yang bercorak sama hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja. Walau bagaimanapun, dalam hal keadaan yang berikut pendapatan itu boleh dikenakan cukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi:
 - (a) jika jangkamasa ia tinggal dalam Negeri yang satu lagi itu ialah selama suatu tempoh atau melebihi daripada 183 hari dalam suatu tahun kalendar yang berkenaan; atau

- (b) jika saraan bagi perkhidmatannya dalam Negara yang satu lagi itu sama ada diperolehi daripada pemastautin-pemastautin Negara itu atau ditanggung oleh suatu establisymen tetap yang dipunyai oleh seseorang yang tidak bermastautin dalam Negara itu dan yang melebihi 3,000 dolar Amerika Syarikat dalam mana-mana satu kes dalam tahun kalendar yang berkenaan, walaupun jangkamasa ia tinggal dalam Negara itu ialah selama suatu tempoh atau tempat yang berjumlah kurang daripada 183 hari dalam tahun kalendar itu.

2. Istilah “perkhidmatan profesional” termasuk khususnya aktiviti-aktiviti saintifik, kesusasteraan, seni, pengajian atau pengajaran bebas dan juga aktiviti-aktiviti bebas seseorang doktor, peguam, jurutera, akitek, doktor gigi dan akauntan.

Perkara 16

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN YANG BERKAIT

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 17, 18, 19, 20 dan 21, gaji upahan dari lain-lain saraan yang serupa itu yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan hendaklah kena cukai hanya dalam Negara itu melainkan jika pekerjaan itu dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, apa-apa saraan yang diperolehi daripadanya hendaklah kena cukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara ini, saraan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah kena cukai hanya dalam Negara yang mula-mula disebut itu, jika —

- (a) penerimaannya berada dalam Negara yang satu lagi selama tempoh atau tempoh yang jumlah kesemuanya tidak lebih daripada 183 hari dalam tahun fiskal itu, dan
- (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak seorang majikan yang bukannya pemastautin Negara yang satu lagi itu, dan
- (c) saraan itu tidak ditanggung oleh establisymen tetap yang dipunyai oleh majikan itu dalam Negara yang satu lagi.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan yang terdahulu dalam Perkara ini, saraan yang diperolehi berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau kapal udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa oleh enterprais suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai dalam Negara di mana terletaknya tempat pengurusan yang efektif enterprais itu.

Perkara 17

FEE PENGARAH

Fee pengarah dan bayaran-bayaran serupa itu yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai ahli lembaga pengarah sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 18**SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN**

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 15 dan 16 pendapatan yang diperolehi oleh penghibur-penghibur awam, seperti artis pentas, wayang gambar, radio atau televisyen, dan ahli muzik serta olahragawan, dari aktiviti-aktiviti persendirian mereka sedemikian hendaklah kena dicukai dalam Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.

Dengan syarat bahawa pendapatan itu tidak boleh kena dicukai dalam Negara Pejanji yang tersebut itu jika lawatan penghibur awam atau olahragawan ke Negara itu adalah dalam bidang rancangan pertukaran kebudayaan atau sukan yang dipersetujui oleh kedua-dua Negara Pejanji itu.

2. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 7, jika aktiviti-aktiviti persendirian yang tersebut dalam perenggan 1 diadakan dalam suatu Negara Pejanji oleh suatu enterprais daripada Negara yang satu lagi, keuntungan-keuntungan yang diperolehi daripada mengadakan aktiviti-aktiviti ini oleh enterprais sedemikian boleh dikenakan cukai dalam Negara yang mula-mula disebut itu.

Perkara 19**PENCEN**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara 20, pencen, anuiti dan lain-lain saraan serupa itu yang dibayar kepada seorang pemastautin suatu Negara Pejanji hendaklah kena dicukai hanya dalam Negara itu.

2. Istilah “pencen, anuiti dan lain-lain saraan serupa itu”, sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya bayaran berkala yang dibuat selepas bersara sebagai balasan bagi pekerjaan yang lalu atau dengan cara pampasan bagi bencana yang diterima berhubung dengan pekerjaan yang lalu.

Perkara 20**FUNGSI-FUNGSI KERJASAMA**

1. Saraan, termasuk pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diadakan oleh suatu Negara Pejanji atau sub-bahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya, kepada seseorang individu yang menjadi warganegara Negara Pejanji itu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau sub-bahagian atau pihak berkuasa tempatannya pada melaksanakan fungsi-fungsi Kerajaan hendaklah kena dicukai hanya dalam Negara itu.

2. Peruntukan-peruntukan Perkara 16, 17 dan 19 hendaklah dipakai bagi saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang berhubung dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau suatu sub-bahagian politik atau suatu pihak berkuasa tempatannya bagi maksud keuntungan.

Perkara 21**GURU, PENUNTUT DAN PELATIH**

1. Seseorang individu yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-negara Pejanji dan yang, atas jemputan Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi atau universiti atau institusi pengajian lain yang diiktirafkan yang terletak dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi maksud utama untuk mengajar atau mengambil bahagian dalam penyelidikan, atau kedua-duanya, di universiti atau institusi pengajian lain yang diiktirafkan hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu atas pendapatannya daripada perkhidmatan persendirian kerana mengajar atau menyelidik atau kedua-duanya di universiti atau institusi yang diiktirafkan itu, selama suatu tempoh yang tidak lebih daripada dua tahun dari tarikh ia tiba di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sebelum sahaja melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu dan berada untuk sementara dalam Negara yang satu lagi itu semata-mata sebagai penuntut universiti kolej, sekolah atau institusi pengajian lain yang sama dalam Negara yang satu lagi itu atau sebagai perantis perniagaan atau teknik hendaklah, dari tarikh ia tiba di Negara yang satu lagi itu berhubung dengan lawatan itu, dikecualikan dari cukai selama tempoh yang tidak lebih daripada lima tahun dalam Negara yang satu lagi itu:

- (a) atas segala remitan dari luar negeri bagi maksud-maksud saraan hidup, pelajaran atau latihannya; dan
- (b) atas apa-apa saraan bagi perkhidmatan persendirian yang diberi dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu dengan tujuan untuk menambah hasil-hasil yang ia boleh dapati bagi maksud itu.

3. Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sebelum sahaja melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu dan berada untuk sementara dalam Negara yang satu lagi itu semata-mata bagi maksud belajar, penyelidikan atau latihan sebagai penerima suatu pemberian, elaun atau award daripada pertubuhan saintifik, pelajaran, ugama atau khairat atau di bawah rancangan bantuan teknik yang dibuat oleh kerajaan suatu Negara Pejanji hendaklah, dari tarikh ia mula-mula tiba dalam Negara yang satu lagi itu berhubung dengan lawatan itu, dikecualikan daripada cukai selama tempoh yang tidak lebih daripada lima tahun dalam Negara yang satu lagi itu:

- (a) atas amaun pemberian, elaun atau award itu; dan
- (b) atas segala remitan daripada luar negeri bagi maksud saraan hidup, pelajaran atau latihannya.

Perkara 22**PENDAPATAN LAIN**

1. Butiran-butiran pendapatan seorang pemastautin suatu Negara Pejanji, apabila jua timbul, tidak diuruskan dalam Perkara-perkara yang terdahulu dalam Perjanjian ini hendaklah kena dicukai hanya dalam Negara itu sahaja.

2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1, butiran-butiran pendapatan seorang pemastautin sesuatu Negara Pejanji yang tidak diuruskan dalam Perkara-perkara yang terdahulu dalam Perjanjian ini dan yang timbul dalam Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 23

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Bangladesh mengenai kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Bangladesh bagi cukai yang kena dibayar dalam wilayah di luar Bangladesh (yang tidak menyentuh prinsip am Pejanji ini) cukai yang kena dibayar di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau secara potongan ke atas pendapatan dari punca-punca dalam Malaysia boleh dibenarkan sebagai kredit terhadap mana-mana cukai Bangladesh yang dikira mengikut rujukan kepada pendapatan yang sama mengikut rujukan yang kepadanya cukai Malaysia itu dikira.

2. Bagi maksud-maksud perenggan 1 Perkara ini, istilah “cukai yang kena dibayar di bawah undang-undang Malaysia” hendaklah disifatkan termasuk:

(a) berkenaan dengan dividen yang diterima dari suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia, suatu amaun yang tidak melebihi 15 peratus daripada amaun kasar dividen yang sepatutnya telah dibayar sebagai cukai Malaysia tetapi oleh kerana suatu pengecualian daripada cukai yang diberi di bawah undang-undang Malaysia berhubung dengan galakan cukai untuk memajukan pembangunan ekonomi Malaysia yang telah berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani atau apa-apa peruntukan lain yang mungkin akan dikemukakan kemudiannya di Malaysia bagi pengubahsuaian, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang ini selagi ianya dipersetujui oleh pihak berkuasa kompeten bagi Negara-negara Pejanji itu sebagai mempunyai sebahagian besar sifat yang sama;

(b) mengenai bunga yang baginya perenggan 3 Perkara 12 dipakai, suatu amaun yang tidak lebih daripada 15 peratus daripada amaun kasar bunga berkenaan dengannya cukai Malaysia yang sepatutnya dibayar tetapi kerana pengecualian yang diberi mengikut perenggan itu;

(c) mengenai royalti-royalti perindustrian yang diluluskan yang baginya perenggan 3 Perkara 13 dipakai, suatu amaun yang tidak lebih daripada 15 peratus daripada amaun kasar royalti-royalti itu yang berkenaan dengan cukai Malaysia yang sepatutnya dibayar tetapi kerana pengecualian yang diberi mengikut perenggan itu.

3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia mengenai kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar dalam mana-mana negeri selain daripada Malaysia (yang tidak akan menyentuh prinsip Perjanjian ini), cukai yang kena dibayar di bawah undang-undang Bangladesh

(tidak termasuk mengenai dividen, cukai yang kena dibayar berkenaan dengan keuntungan yang darinya dividen itu dibayar) dan mengikut Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau secara potongan, oleh seorang pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan dari punca-punca dalam Bangladesh yang telah dikenakan cukai dikedua-dua negara Bangladesh dan Malaysia boleh dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu tetapi setakat amaun yang tidak lebih daripada kadar cukai Malaysia yang pendapatan itu berbanding dengan kesemuanya pendapatan yang boleh dikenakan cukai Malaysia.

4. Bagi maksud-maksud perenggan 3, istilah “cukai yang kena dibayar di bawah undang-undang Bangladesh” hendaklah disifatkan termasuk, berhubung dengan-

- (a) cukai 15 peratus ke atas dividen di bawah perenggan 2 Perkara 11,
- (b) cukai 15 peratus ke atas bunga di bawah perenggan 2 Perkara 12, dan
- (c) cukai 15 peratus ke atas royalti di bawah perenggan 2 Perkara 13,

amaun cukai yang sepatutnya telah dibayar tanpa mengurangkan atau mengecualikan dari cukai mengikut undang-undang khas yang dibuat untuk menggalakan kemajuan ekonomi di Bangladesh yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani atau yang mungkin akan dikemukakan selepas ini bagi pengubahsuaian, atau sebagai tambahan kepada undang-undang yang sedia ada sebagaimana yang dipersetujui di antara pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-negara Pejanji.

5. Bagi maksud-maksud perenggan 1, jika royalti-royalti yang diperolehi oleh seorang pemastautin Bangladesh adalah, seperti sewaan filem tertakluk kepada duti sewa filem cinematograf di Malaysia, duti itu hendaklah disifatkan sebagai cukai Malaysia.

Perkara 24

TANPA BEZA MEMBEZA

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidak boleh dikenakan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang mana adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas rakyat Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama.

2. Percukaian ke atas establisymen tetap yang dipunya oleh enterprais suatu Negara Pejanji dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh diberi secara yang kurang adil dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu daripada percukaian yang diberi ke atas enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama dalam hal keadaan yang sama dan di bawah syarat-syarat yang sama.

3. Enterprais suatu Negara Pejanji yang mana kesemua atau sebahagian modalnya dimiliki atau dikawal, secara langsung atau secara tak langsung, oleh seorang atau beberapa orang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu, tidak boleh dikenakan, dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu, apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang mana adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas enterprais lain yang serupa bagi Negara yang mula-mula disebut itu dalam hal keadaan yang sama dari di bawah syarat-syarat yang sama.

4. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai—

- (a) mengharuskan suatu Negara Pejanji supaya memberi kepada pemastautin-pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu apa-apa elaun, relif dan pengurangan persendirian yang diberi kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri;
- (b) menyentuh apa-apa peruntukan undang-undang cukai Negara-Negara Pejanji itu masing-masing mengenai pengenaan cukai ke atas orang-orang yang bukan pemastautin seperti itu; dan
- (c) menyentuh apa-apa peruntukan undang-undang cukai bagi Negara-Negara Pejanji itu masing-masing mengenai apa-apa konsesi cukai yang diberi kepada orang-orang yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

5. Dalam Perkara ini istilah “percukaian” ertinya cukai-cukai yang menjadi hal perkara Perjanjian ini.

Perkara 25

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan satu daripada Negara Pejanji atau kedua-duanya mengakibatkan atau akan mengakibatkan dirinya dikenakan cukai tidak mengikut Perjanjian ini, ia boleh, walau apapun remidi yang diperuntukkan oleh undang-undang negara bagi Negara-negara itu, mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara Pejanji itu yang ia menjadi pemastautin. Kes itu mestilah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari tarikh pentaksiran atau penahanan cukai pada punca mengikut mana yang terkemudian.

2. Pihak berkuasa yang kompeten hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantahan adalah berpatutan dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, menyelesaikan kes itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara Pejanji yang satu lagi itu, dengan tujuan untuk mengelakkan percukaian yang tidak mengikut Perjanjian ini. Jika suatu perjanjian dicapai, ianya hendaklah dilaksanakan walaupun apa-apa had waktu yang ditetapkan dalam undang-undang cukai Negara-negara Pejanji itu.

3. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka juga boleh berunding bersama-sama untuk menghapuskan cukai dua kali dalam hal-hal yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

4. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi maksud memakai peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

Perkara 26

BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini. Apa-apa maklumat atau dokumen yang ditukar sedemikian hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang atau pihak-pihak berkuasa selain daripada mereka yang terlibat dalam hal pentaksiran atau pungutan cukai-cukai yang menjadi hal perkara Perjanjian ini atau pemutusan rayuan atau pendakwaan kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengannya.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kalinya boleh ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas suatu Negara Pejanji itu tanggungan—

- (a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (b) untuk memberi butir-butir yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (c) untuk memberi maklumat atau dokumen yang akan menzahirkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesional atau proses tred, atau maklumat yang penzahirannya adalah bertentangan dengan polisi awam.

Perkara 27

PEGAWAI-PEGAWAI DIPLOMATIK DAN KONSUL

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomatik atau konsul di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Perkara 28**MULA BERKUATKUASA**

Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh bila selesai segala perkara yang patut dilakukan di Bangladesh dan di Malaysia sebagaimana yang perlu untuk memberi Perjanjian ini kuatkuasa undang-undang masing-masing di Bangladesh dan di Malaysia, dan oleh kerana itu hendaklah berkuatkuasa bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas satu haribulan Januari, 1982.

Perkara 29**PENAMATAN**

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh yang tidak dinyatakan tetapi salah satu daripada Negara Pejanji boleh, pada atau sebelum tiga puluh haribulan Jun dalam sesuatu tahun kalendar selepas tahun 1986, memberi notis penamatan kepada Negara Pejanji yang satu lagi dan, dalam hal yang demikian Perjanjian ini adalah terhenti daripada berkuatkuasa bagi sesuatu tahun taksiran yang bermula pada atau selepas satu haribulan Januari dalam tahun kalendar selepas tahun dalam mana notis itu diberi.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT di Dhaka pada 19 haribulan April 1983 dalam tiga naskah asal, tiap-tiap satunya dalam Bahasa Malaysia. Bahasa Bangla dan Bahasa Inggeris, kesemua teks itu adalah sama sahinya. Jika terdapat apa-apa perselisihan tentang pentafsiran, teks Inggeris hendaklah dipakai.

Bagi Kerajaan Malaysia

Bagi Kerajaan Republik
Rakyat Bangladesh

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-cukai atas Pendapatan, yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah menjadi merupakan bahagian integral Perjanjian ini:

2. Berkaitan dengan Perkara 7 “Keuntungan Perniagaan”;

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh perjalanan mana-mana undang-undang sesuatu Negara Pejanji berhubung dengan percukaian pendapatan atau keuntungan daripada sesuatu perniagaan insurans dengan syarat bahawa jika

undang-undang relevan yang berkuatkuasa dalam salah satu Negara Pejanji pada tarikh penandatanganan Perjanjian ini dipinda Negara-negara itu hendaklah berunding antara satu dengan lain dengan tujuan supaya menyetujui apa-apa pindaan kepada perenggan ini yang sesuai.

3. Berkaitan dengan Perkara 11 “Dividen”:

(1) Jika selepas tarikh penandatanganan Perjanjian ini sistem percukaian di Malaysia yang dipakai bagi pendapatan dan pengagihan syarikat-syarikat diubah melalui pengemukaan cukai perbadanan (yang baginya tidak ada kredit atau hanya sebahagian kredit diberi kepada pemegang-pemegang syer) dan cukai dividen selanjutnya, maka cukai Malaysia yang kena dicaj atas dividen yang dibayar kepada seorang pemastautin Bangladesh tidak boleh lebih daripada 15 peratus daripada amaun kasar dividen itu.

(2) Jika, bagi maksud-maksud Perkara VII Perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai ke atas Pendapatan yang ditandatangani di Singapura pada 26hb Disember 1968—

(a) suatu dividen telah dibayar oleh suatu syarikat—

(i) yang menjadi pemastautin Malaysia dan Singapura kedua-duanya dari mesyuarat di mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Malaysia; atau

(ii) yang menjadi pemastautin Singapura dan pada masa pembayaran dividen itu, syarikat itu mengisytiharkannya menjadi pemastautin Malaysia,

dividen itu hendaklah disifatkan telah dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia;

(b) suatu dividen boleh dibayar oleh suatu syarikat—

(i) yang bermastautin di Malaysia dan Singapura kedua-duanya dan mesyuarat di mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Singapura; atau

(ii) yang bermastautin di Malaysia dan pada masa pembayaran dividen itu, syarikat itu mengisytiharkannya menjadi pemastautin Singapura,

dividen itu hendaklah disifatkan telah dibayar oleh syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia.

4. Berkaitan dengan Perkara 14 “Laba Modal” :

Bagi maksud-maksud Perkara 14, syer sesuatu syarikat yang hartanya mengandungi terutamanya harta takalih yang terletak di Bangladesh hendaklah disifatkan sebagai harta takalih yang terletak dalamnya.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Protokol ini.

DIPERBUAT di Dhaka pada 19 haribulan April 1983 dalam tiga naskah asal, tiap-tiap satunya dalam Bahasa Malaysia. Bahasa Bangla dan Bahasa Inggeris, kesemua teks itu adalah sama sahinya. Jika terdapat apa-apa perselisihan tentang pentafsiran, teks Inggeris hendaklah dipakai.

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia

Bagi pihak Kerajaan Republik
Rakyat Bangladesh

Diperbuat pada 29hb Februari 1984.
[Perb. O. 6869/5A; PN. (PU²) 80 Pt. IX.]

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH,
Menteri Kewangan

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 132 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967).

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (BANGLADESH) ORDER 1984

In exercise of the powers conferred by section 132 (1) of the Income Tax Act 1967 and section 65A (1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, the Minister makes the following order:

*Act 53.
45/67.*

1. This Order may be cited as the **Double Taxation Relief (Bangladesh) Order 1984.**

Citation.

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made with the Government of the People's Republic of Bangladesh with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Bangladesh tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that the arrangements shall have effect.

*Double
taxation
relief*

SCHEDULE
(Paragraph 2)

**AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE PEOPLE'S
REPUBLIC OF BANGLADESH FOR THE AVOIDANCE OF
DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL
EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME**

The Government of Malaysia and the Government of the People's Republic of Bangladesh desiring to conclude an Agreement for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income, have agreed as follows:

Article 1

PERSONAL SCOPE

This Agreement shall apply to persons who are residents of one or both of the Contracting States.

Article 2**TAXES COVERED**

1. This Agreement shall apply to taxes on income imposed by each Contracting State irrespective of the manner in which they are levied.
2. The existing taxes to which this Agreement shall apply are :
 - (a) in the case of Bangladesh : the income tax; (hereinafter referred to as “Bangladesh tax”);
 - (b) in the case of Malaysia:
 - (i) the income tax and excess profit tax;
 - (ii) the supplementary income taxes, that is, tin profits tax, development tax and timber profits tax; and
 - (iii) the petroleum income tax; (hereinafter referred to as “Malaysian tax”).
3. This Agreement shall also apply to any identical or substantially similar taxes which are subsequently imposed in addition to, or in place of, the existing taxes. The competent authorities of the Contracting States shall notify each other of any significant changes which have been made in their respective taxation laws.

Article 3**GENERAL DEFINITIONS**

1. In this Agreement, unless the context otherwise requires :
 - (a) the term “Bangladesh” means the People's Republic of Bangladesh;
 - (b) the term “Malaysia” means the Federation of Malaysia and includes any area adjacent to the territorial waters of Malaysia which, in accordance with international law, has been or may hereafter be designated under the laws of Malaysia as an area within which the rights of Malaysia with respect to the sea bed and sub-soil and their natural resources may be exercised;
 - (c) the terms “a Contracting State” and “the other Contracting State” mean Bangladesh or Malaysia, as the context requires;
 - (d) the term “tax” means Bangladesh tax or Malaysian tax, as the context requires;
 - (e) the term “person” shall have the meaning assigned to it in the taxation laws in force in the respective Contracting States;
 - (f) the term “company” means any body corporate or any other entity which is treated as a company under the taxation laws of the respective Contracting States;

-
- (g) the terms “resident of a Contracting State” and “resident of the other Contracting State” mean a person who is a resident of Bangladesh or a person who is a resident of Malaysia, as the context requires;
 - (h) the terms “enterprise of a Contracting State” and “enterprise of the other Contracting State” mean respectively an enterprise carried on by a resident of a Contracting State and an enterprise carried on by a resident of the other Contracting State;
 - (i) the term “international traffic” means any transport by a ship or aircraft operated by an enterprise which has its place of effective management in a Contracting State, except when the ship or aircraft is operated solely between places in the other Contracting State;
 - (j) the term “national” means any individual possessing the nationality or citizenship of a Contracting State and also any legal person, partnership, association and any other entity deriving its status as such from the laws in force in a Contracting State;
 - (k) the term “competent authority” means:
 - (i) in the case of Bangladesh, the National Board of Revenue or their authorised representative;
 - (ii) in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorised representative.

2. As regards the application of this Agreement by a Contracting State, any term not otherwise defined shall, unless the context otherwise requires, have the meaning which it has under the laws of that State concerning the taxes to which the Agreement applies.

Article 4

RESIDENT

1. For the purposes of this Agreement, the term “resident of a Contracting State” means any person who, under the tax laws of that State, is a resident thereof by reasons of his domicile, residence, place of management or any other criterion of a similar nature.

2. Where by reason of the provisions of paragraph 1, an individual is a resident of both Contracting States, then his status shall be determined as follows :

- (a) He shall be deemed to be a resident of the State in which he has a permanent home available to him. If he has a permanent home available to him in both States he shall be deemed to be a resident of the State with which his personal and economic relations are closer (centre of vital interests);
- (b) If the State in which he has his centre of vital interests cannot be determined, or if he has not a permanent home available to him in either State, he shall be deemed to be a resident of the State in which he has an habitual abode;

- (c) If he has an habitual abode in both States or in neither of them, he shall be deemed to be a resident of the State of which he is a national;
- (d) If he is a national of both States or of neither of them, the competent authorities of the Contracting States shall settle the question by mutual agreement.

3. Where by reason of the provisions of paragraph 1, a person other than an individual is a resident of both Contracting States, then it shall be deemed to be a resident of the State in which its place of effective management is situated.

Article 5

PERMANENT ESTABLISHMENT

1. For the purposes of this Agreement, the term “permanent establishment” means a fixed place of business in which the business of the enterprise is wholly or partly carried on.
2. The term “permanent establishment” shall include especially:
 - (a) a place of management;
 - (b) a branch;
 - (c) an office;
 - (d) a factory;
 - (e) a workshop;
 - (f) a warehouse, in relation to a person providing storage facilities for others;
 - (g) a mine, an oil or gas well, a quarry or other place of extraction of natural resources including timber or other forest produce;
 - (h) a farm or plantation;
 - (i) (l) a building site or construction, installation or assembly project which exists for more than 183 days.
3. Notwithstanding the preceding provisions of this Article, the term “permanent establishment” shall not be deemed to include:
 - (a) the use of facilities solely for the purposes of storage or display of goods or merchandise belonging to the enterprise;
 - (b) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of storage or display;
 - (c) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purposes of processing by another enterprise;
 - (d) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of purchasing goods or merchandise or of collecting information, for the enterprise;
 - (e) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of advertising, for the supply of information, for scientific research or for similar activities which have a preparatory or auxiliary character, for the enterprise.

4. An enterprise of a Contracting State shall be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State if:

- (a) it carries on supervisory activities in that other State for more than 183 days in connection with a construction, installation or assembly project which is undertaken in that other State; or
- (b) substantial equipment is used or installed in that other State by, for or under contract with, the enterprise.

5. A person acting in a Contracting State for or on behalf of an enterprise of the other Contracting State (other than an agent of an independent status to whom paragraph 6 of this Article applies) shall be deemed to be a permanent establishment in the first-mentioned State, if—

- (a) he has, and habitually exercises, in the first-mentioned State an authority to conclude contracts for or on behalf of the enterprise, unless his activities are limited to the purchase of goods or merchandise for the enterprise, or
- (b) he habitually maintains in the first-mentioned State a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise from which he regularly fills orders or delivers goods or merchandise for or on behalf of the enterprise, or
- (c) he habitually secures orders for the sale of goods or merchandise in the first-mentioned State, wholly or almost wholly, for the enterprise itself, or for the enterprise or other enterprises which are controlled by it or have controlling interest in it.

6. An enterprise of a Contracting State shall not be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State merely because it carries on business in that other State through a broker, general commission agent or any other agent of an independent status, where such persons are acting in the ordinary course of their business and their activities do not fall within the scope of paragraph 5 (c) of this Article.

7. The fact that a company which is a resident of a Contracting State controls or is controlled by a company which is a resident of the other Contracting State, or which carries on business in that other State (whether through a permanent establishment or otherwise), shall not of itself make either company a permanent establishment of the other.

Article 6

INCOME FROM IMMOVABLE PROPERTY

1. Income from immovable property may be taxed in the Contracting State in which such property is situated.

2. The term “immovable property” shall be defined in accordance with the laws of the Contracting State in which the property in question is situated. The term shall in any case include

property accessory to immovable property, livestock and equipment used in agriculture and forestry, rights to which the provisions of general law respecting landed property apply, usufruct of immovable property and rights to variable or fixed payments as consideration for the working of, or the right to work, mineral deposits, oil or gas wells, quarries and other places of extraction of natural resources or of timber or other forest produce. Ships, boats and aircraft shall not be regarded as immovable property.

3. The provisions of paragraph 1 of this Article shall apply to income derived from the direct use, letting, or use in any other form of immovable property.

4. The provisions of paragraphs 1 and 3 of this Article shall also apply to the income from immovable property of an enterprise and to income from immovable property used for the performance of professional services.

Article 7

BUSINESS PROFITS

1. The profits of an enterprise of a Contracting State shall be taxable only in that State unless the enterprise carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein. If the enterprise carries on business as aforesaid, the profits of the enterprise may be taxed in the other State but only so much of them as is attributable to that permanent establishment.

2. Subject to the provisions of paragraph 3 of this Article; where an enterprise of a Contracting State carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein, there shall in each Contracting State be attributed to that permanent establishment the profits which it might be expected to make if it were a distinct and separate enterprise engaged in the same or similar activities under the same or similar conditions and dealing wholly independently with the enterprise of which it is a permanent establishment.

3. In the determination of the profits of a permanent establishment, there shall be allowed as deduction expenses, including executive and general administrative expenses, which would be deductible if the permanent establishment were an independent enterprise, in so far as such expenses are reasonably allocable to the permanent establishment, whether incurred in the State in which the permanent establishment is situated or elsewhere, but the deduction shall not include any expenses which, under the law of that State, are not allowed as deduction to an enterprise of that State.

4. In so far as it has been customary in a Contracting State to determine the profits to be attributed to a permanent establishment on the basis of an apportionment of the total profits of the enterprise to its various parts, nothing in paragraph 2 shall preclude that Contracting State from determining the profits to be taxed by such apportionment as may be customary; the method of apportionment adopted shall, however, be such that the result shall be in accordance with the principles laid down in this Article.

5. No profits shall be attributed to a permanent establishment by reason of the mere purchase by that permanent establishment of goods or merchandise for the enterprise.

6. For the purposes of the preceding paragraph of this Article, the profits to be attributed to the permanent establishment shall be determined by the same method year by year unless there is good and sufficient reason to the contrary.

7. Where profits include items of income which are dealt with separately in other Articles of this Agreement, then the provisions of those Articles shall not be affected by the provisions of this Article.

Article 8

AIR TRANSPORT

1. Income derived by an enterprise of a Contracting State from the operation of aircraft in international traffic shall be taxable only in that Contracting State.

2. The provisions of paragraph 1 shall likewise apply in respect of income derived from participation in pools of any kind by enterprises engaged in air transport.

Article 9

SHIPPING

1. Income of an enterprise of a Contracting State derived from the operation of ships in international traffic in the other Contracting State may be taxed in that other State, but the tax chargeable in that other State on such income shall be reduced by an amount equal to fifty per cent of such tax.

2. The provisions of paragraph 1 shall likewise apply in respect of income derived from participation in pools of any kind by enterprises engaged in shipping operations.

Article 10

ASSOCIATED ENTERPRISES

Where

- (a) an enterprise of a Contracting State participates directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of the other Contracting State, or
- (b) the same persons participate directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of a Contracting State and an enterprise of the other Contracting State,

and in either case conditions are made or imposed between the two enterprises in their commercial or financial relations which differ from those which would be made between independent enterprises, any profits which would, but for those conditions, have accrued to one of the enterprises but by reason of those conditions, have not so accrued, may be included in the profits of that enterprise and taxed accordingly.

Article 11**DIVIDENDS**

1. Dividends paid by a company which is a resident of a Contracting State to a resident of the other Contracting State may be taxed in that other State.

